



DR. MAHATHIR

Tuntutan naik gaji dilayan, tetapi bukan kerajaan menyara belanjanya

U.M. - 6 SEP 1978

TAK dapat dinaikan bahawa inflasi merangsang tuntutan-tuntutan menaikkan gaji. Gaji yang menurut erti mutlak tidak bermakna apa-apa.

Cuma kuasa beli dari gaji yang didapati yang memberi makna kepada orang-orang makan gaji.

* KAUM pekerja mogok dan berpiket menuntut keadilan. Jeritan dan laungan kaum pekerja terdengar di mana-mana menuntut itu dan ini dari majikan. Gambar sebelah pekerja-pekerja di sebuah kilang sedang berpiket kerana menuntut kenaikan gaji.

Oleh: DR. MAHATHIR

SATU ekoran apabila berlaku inflasi, khususnya bagi kaum peniaga ialah menaikkan harga barang sementara pekerja-pekerja menuntut naik gaji.

Tidak ramai rakyat yang tahu benarkan kaum peniaga kerugian dan siapakah pihak yang menanggung beban bila kerajaan melayan

pekerja diberhentikan.

Satu misal tempatan ialah kurangnya penawaran untuk rumah-rumah berikutan inflasi. Para pemborong merupakan pihak yang pertama merasakan kesan. Oleh kerana mereka dianggap golongan yang berada, maka pengurangan dalam pendapatan mereka tidak sepatutnya mendukacitakan.

Akan tetapi pekerja-pekerja biasa binaan akan kehilangan pendapatan, setengah-setengahnya menganggur. Kejadian ini tidak dapat diterima kerana merupakan satu masalah sosial.

Malan keadaan begini boleh menimbulkan banyaknya jenayah kerana setengah pekerja yang menganggur mungkin mencari nafkah secara tidak halal.

Masyarakat tidak dapat menerima akibat-akibat ini dari segi sosial dan ekonomi.

Bagaimanakah reaksi sesuatu masyarakat terhadap inflasi?

Terbiar

Pertama-tamanya sebarang kenaikan belanja hidup akan melibatkan golongan paling miskin dan lebih teruk dari golongan-golongan lain. Penganggur-penganggur tergolong yang paling miskin dan oleh kerana mereka tidak mempunyai badan yang mewakili disebabkan kedudukannya, nasib mereka sering terbiar.

Bagi mereka yang bekerja, desakan yang melonjak-lonjak ialah menuntut kenaikan gaji. Pertimbangannya mudah saja. Jika harga barang-barang yang biasa dibeli naik, tambahan gaji akan membolehkan

bezaan untung 50% iaitu dari 10% kepada 15% secara menaikkan harga jualan dari \$1.00 kepada \$1.05 sen sementara kos tetap 90 sen.

Majikan sepatutnya boleh menghadapi tambahan gaji hingga 50% dengan cara ini. Bagaimanapun harga sebarang keluaran tidak boleh statis dalam keadaan inflasi. Kos akan disentuh oleh tuntutan gaji dan kenaikan harga bahan mentah.

Katakan kos naik 50% (menurut jejak kadar inflasi) kos baru ialah \$1.35 sen. Jika barang tersebut dijual \$1.50 sen kenaikan 50% dalam untung sebenar masih boleh dicapai iaitu dari 10 sen kepada 15 sen.

Jika jumlah perniagaan kekal inflasi tidak akan melibatkan pedagang. Demikian juga kerajaan tidak sepatutnya terjejas kerana tambahan pendapatan pedagang-pedagang bermakna hasil cukai yang turut bertambah.

Tetapi apakah kesan kenaikan pada harga jualan?

Jika barang berkenaan perlu dan tidak cukup bekalan atau sekadar cukup, jumlah jualan tidak sepatutnya kurang. Jika bekalan melebihi permintaan jumlah jualan akan jatuh disebabkan pedagang-pedagang berebut-rebut pelanggan. Ini akan menyebabkan kurangnya daya berbelanja di pihak pedagang.

Pada peringkat ini setengah manipulasi dalam bekalan mungkin berlaku dan pasaran menjadi tidak stabil. Apapun keadaan inflasi yang pertama cuma akan menggugat keadaan pasaran dan menambah lagi aliran inflasi seterusnya.

Oleh itu dalam keadaan inflasi gaji yang sama dapat belian kurang berbanding sebelum adanya inflasi. Ini menjadikan orang-orang makan gaji lebih 'miskin'.

Majikan-majikan tidak boleh terjejas asalkan jumlah barang-barang yang dikeluarkan atau dijual seperti biasa. Sepatutnya mereka menambah pendapatan dari segi erti penggajian mutlak.

Bertambahnya pulangan jualan pada teorinya dapat menutup sebarang kenaikan kos.

Hal ini dapat diterangkan dengan jualan satu barang, misalnya, \$100.00. Sekiranya penjual memperolehi 10%, untungnya \$10 dan belanjanya \$90.00.

Jika kos ini meningkat 50% menjadi \$135.00

tuntutan-tuntutan gaji.

Dalam rencana ini, Dr. Mahathir, menghuraikan kepada kita kesan desakan naik gaji dalam hubungan dengan inflasi. — Pengarang

pada teorinya penjual menolak barangnya \$150.00 dengan untung 10% atau dari segi mutlaknya \$15.00. Jelaslah bahawa pendapatannya dari jualan yang sama bertambah dari \$10.00 menjadi \$15.00.

Jika kadar inflasi ialah 50% kuasa beli pendapatannya tidak terjejas sekalipun kosnya bertambah.

Oleh itu pada teori inflasi tidak sepatutnya melibatkan kuasa beli seseorang pedagang. Dia hanya mengubah untung sebenar sesuai dengan kenaikan belanja hidup. Pada hakikatnya ini tidak mungkin.

Inflasi tidak melibatkan kos pada kadar yang sama. Kenaikan se-

tengah barang lebih tinggi dari lain-lainnya.

Walaupun pada umumnya semua barga barang dijangka naik, sebenarnya setengah barang turun harga. Perbezaan harga ini yang menjadi masalah dalam inflasi.

Jika semua perkara berada dalam kadar yang sama, inflasi tidak menjadi masalah langsung. Kadar inflasi ialah satu kadar hitung pán-jang dan bukan satu kadar yang biasa.

Satu contoh jelas ialah melesetnya jualan kereta di Amerika. Kenaikan kos pengeluaran telah menyebabkan harga dinaikkan tetapi kerana berbagai sebab jualan merosot. Akhirnya ramai

barang-barang yang sama dibeli terus. "Taraf" hidup akan dapat dikendalikan.

Seperti yang diterangkan di atas pada mulanya majikan-majikan tidak akan terjejas oleh inflasi atau akan terjejas pada sebutan saja. Barang-barang yang dibuat atau dijual akan mengikut aliran inflasi dan mendatangkan pendapatan tambahan bagi jumlah yang sama. (Di pihak kerajaan pendapatan tambahan iaitu untung dalam perniagaan bermakna tambahan hasil cukai).

Oleh itu majikan-majikan patut menyerap kenaikan gaji tanpa sebarang pengurangan dalam pendapatan sebenar.

Contoh berikut dapat menerangkan hal ini. Jika satu barang dengan jualan \$1.00 mendatangkan untung 10%, kadar inflasi 50% dapat diserap dengan menaikkan per-

nya.

Bagi barang-barang kurang perlu, kenaikan harga akan mengurangkan jumlah jualan. Pedagang-pedagang lebih mementingkan jumlah untung sebenar. Keupayaan mereka berbelanja bergantung pada jumlah jualan.

Jika jualan statis, tambahan limapuluh peratus dalam untung sebenar (dari 10 sen kepada 15) akan membolehkan mereka berbelanja seperti biasa. Tetapi bagi barang kurang perlu, tambahan 50 peratus harga jualan (dari \$1 kepada \$1.50 sen) akan mengecilkkan jualan dan seterusnya mengurangkan keuntungan. Keupayaan berbelanja akan berkurangan dan begitu juga cukai yang dibayar kepada kerajaan.

Perhatian terhadap keupayaan individu-individu membelanjakan wang dalam sistem pasa-

ran bebas adalah penting. Apa yang dibelanjakan oleh seorang menjadi pendapatan bagi seorang lain. Jika keupayaan seseorang untuk berbelanja kurang maka keupayaan pendapatan orang lain atau orang-orang lain juga turut kurang.

Kerajaan memandang keupayaan pendapatan rakyat sangat penting. Kerajaan bergantung pada dua punca untuk pendapatannya iaitu terutamanya cukai-cukai dan pinjaman-pinjaman.

Bagaimanapun pinjaman-pinjaman bergantung pada cukai-cukai bagi membayar bunga-bunga dan pembayaran balik pokok. Jadi punca sebenar pendapatan cuma cukai-cukai.

Cukai

Seperti orang lain juga, kerajaan tidak boleh membelanjakan wang melebihi dari kemampuannya. Mengamalkan perkara ini bermakna mempelawa bankrapsi. Juga tidak perlu huraian sekiranya perbelanjaan yang bertambah diatasi dengan menambah pengeluaran mata wang kertas.

Dalam demokrasi perusahaan bebas prinsip mencukai golongan kaya untuk membantu golongan miskin adalah saksama dari segi sosial dan ekonomi. Ini bermakna bahawa lebih ramai orang kaya, akan mudahlah bantuan-bantuan diberikan kepada golongan miskin. Sebaliknya jika tidak ada orang kaya, orang-orang miskin tidak dapat dibantu.

Katakan pedagang yang dibicangkan tadi termasuk dalam golongan orang kaya, maka pengurangan pendapatannya memberi kesan kepada kerajaan seperti diterangkan dengan

pengurangan hasil cukai. Oleh kerana semua pedagang barang-barang kurang perlu tidak dapat tiada terlibat oleh inflasi, lojik disimpulkan bahawa inflasi mengurangkan pendapatan kerajaan.

Pengurangan ini mungkin tidak mutlak sebab pedagang tidak semestinya perlu mengalami jumlah keuntungan yang kecil (sekalipun ia boleh berlaku). Pedagang bertambah kurang keupayaan berbelanja walaupun pendapatannya mungkin sebenarnya bertambah (dalam jumlah dari 10 sen kepada 15 sen). Tetapi pendapatan kerajaan juga akan berkurangan semasa inflasi menurut erti yang relatif.

Akan tetapi semasa inflasi kerajaan diperlukan memberi bantuan yang lebih banyak kepada rakyat. Kenaikan harga-harga dijangka dapat dilapik oleh bantuan-bantuan yang bertambah dari kerajaan.

Subsidi

Di Malaysia beras, gula, baja, minyak gas dan lain-lain barang perlu menelan subsidi kerajaan \$500 juta setahun. Dalam masa yang sama bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi perbelanjaan awam terpaksa ditambah. Perbelanjaan pembangunan bagi pertumbuhan ini lazimnya dibiayai dari pinjaman tetapi pinjaman-pinjaman dibayar dari cukai-cukai.

Bagaimanapun biayai kerajaan yang paling teruk ialah untuk memenuhi tuntutan-tuntutan

naik gaji. Semakin-semakan gaji sejak lima tahun lalu telah mengatasi kadar inflasi dan kadar pertumbuhan ekonomi. Dan tuntutan-tuntutan ini belum lagi reda. Jika gaji-gaji telah dinaikkan sekalipun tetapi perlantikan Suruhanjaya Ibrahim Ali membumbungkan lagi harapan bagi mendapat tokokan gaji dan pembayaran kebelakangan.

Contoh

Belanjawan kerajaan jauh berbeda dari belanjawan perniagaan. Dalam sebuah pertumbuhan perniagaan unsur gaji faktor kos sangat bernilai tetapi jarang merupakan bahagian yang besar walaupun dalam perusahaan yang memakai ramai pekerja. Tetapi bagi kerajaan gaji-gaji dan upah-upahan kakitangan merupakan bahagian yang terbesar. Ia berubah di antara 60% hingga 80% dalam belanja penyenggaraan yang berulang.

Hal ini berlaku oleh kerana kenaikan gaji dalam perbelanjaan kerajaan adalah tidak seimbang dengan kenaikan faedah yang sebenar bagi kakitangan-kakitangan. Contoh berikut dapat menerangkan hal ini.

Katakan jumlah belanja pengurusan ialah \$1,000 juta setahun, \$700 juta bahagian gaji. Kenaikan gaji 10% akan menjadikan bahagian ini kepada \$770 juta. Katakan hasil pendapatan beku, kenaikan gaji \$700 juta ini bermakna penyenggara 77% tidak

sepatutnya 70%.

Dalam perniagaan, unsur gaji dalam sekitar 20%. Jika jumlah belanja \$1,000 juta gaji akan memakan \$200 juta. Kenaikan gaji 10% menambah \$20 juta dan merupakan kenaikan 2% dalam belanja. Dalam lain-lain kata peratus kenaikan yang sama dalam gaji akan menyebabkan kerajaan berbelanja 3½ kali ganda dari apa yang dibelanjakan oleh bidang perniagaan.

Dalam perniagaan juga kenaikan gaji boleh diserap dengan mengurangkan dividen. Tetapi kerajaan tidak mempunyai dividen. Belanja pengurusan selain bayaran kakitangan secara relatif adalah belanja tetap yang tidak mudah disesuaikan.

Bankrapsi

Kerajaan juga tidak dapat menghadapi kenaikan gaji dengan mengurangkan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan ini dibiayai dari pinjaman-pinjaman dan biaya berulang dari pinjaman-pinjaman adalah ekonomi yang tidak sihat. Ia boleh menyebabkan bankrapsi yang dilanjutkan dengan inflasi teruk.

Lagipun pengurangan perbelanjaan pembangunan kerajaan akan memburukkan lagi keadaan ekonomi yang berinflasi yang melibatkan pekerjaan bagi mengadakan infrastruktur perusahaan dan merangsang perniagaan. Pengurangan perbelan-

jaan pembangunan kerajaan boleh mengurangkan keyakinan dalam ekonomi negara dan ini tidak dikehendaki bila-bila masapun.

Satu-satunya jalan bagi kerajaan melayani tuntutan menaikkan gaji ialah dengan menaikkan cukai-cukai. Dalam lain-lain kata kenaikan gaji kakitangan-kakitangan kerajaan tidak disara oleh kerajaan tetapi oleh rakyat.

Kerajaan cuma mengutip dan membahagikan peruntukan. Dan jika tuntutan terlalu banyak hingga melibatkan ekonomi negara, pembayar-pembayar cukai yang akan menderita.

Dari kakitangan ini, jelaslah bahawa satu keadaan inflasi sangat memberatkan kerajaan. Sementara subsidi bagi barang-barang perlu dan perbelanjaan pembangunan memberikan faedah menyeluruh kepada rakyat, gaji-gaji dan lain-lain bayaran kelihatan menguntungkan kerajaan sebahagian besarnya.

Kenaikan gaji semasa inflasi adalah patut dan sesuai dengan ekonomi selagi kenaikan ini sejajar dengan kadar inflasi. Tetapi kenaikan gaji yang jauh melebihi kadar inflasi, bukan saja tidak munasabah dari segi sosial malahan tidak sihat bagi ekonomi negara.

Inilah hakikat yang pembayar-pembayar cukai perlu tahu oleh kerana mereka akhirnya yang menanggung.